

# Kerajaan jamin tetap buru Jho Low

**Putrajaya:** Kerajaan akan tetap memburu ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low, walaupun berdepan kesukaran untuk mengesan lokasinya, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, masih banyak wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang hilang dan perlu didapatkan semula selain ada bukti mendakwa Jho Low menggunakan wang berkenaan untuk kepentingan peribadi.

“Yang kita dapat ini tidak banyak, kurang daripada RM2 bilion.

## Guna duit untuk diri sendiri

“Dia (Jho Low) curi duit yang hilang daripada 1MDB sebanyak RM42 bilion. Siapa simpan duit itu? Ada di mana? Ada bukti mendakwa Jho Low menggunakan duit itu untuk diri sendiri.

“Kita ada masalah untuk mengesan lokasi dia berada tapi kita tetap akan buru dia,” ka-

tanya pada sidang media khas sempena setahun pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan (PH) di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada Jho Low akan terus diburu biarpun kerajaan sudah mendapatkan semula sebahagian wang 1MDB termasuk hasil penjualan kapal mewah *Equanimity*.

Minggu lalu, pihak berkuasa Amerika Syarikat dilaporkan melakukan persediaan memulangkan wang AS\$200 juta (RM828 juta) yang didakwa disalah guna daripada dana 1MDB.

Menurut sumber, jumlah itu mencakupi kira-kira AS\$140 juta (RM579 juta) daripada penjualan saham Hotel Park Lane di New York dan kira-kira AS\$60 juta (RM249 juta) lagi daripada penyelesaian yang dibayar oleh penerbit filem *Wolf of the Wall Street*.

Pemindahan dijangka akan dibuat seawal minggu depan.

**Kaji kesesuaian Statut Rom** Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji kesesuaian Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) dalam konteks budaya tempatan.

Perdana Menteri menegaskan tiada apa yang perlu ditakutkan jika Malaysia memutuskan untuk meratifikasikan statut berkenaan.

Statut Rom adalah perjanjian yang menubuhkan ICC yang diperakukan di Rom pada 17 Julai dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002.

Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa membatalkan keputusannya untuk meratifikasikan perjanjian itu disebabkan beberapa orang yang tidak tahu langsung mengenai perjanjian itu telah memutarbelitkan maklumatnya.

“Tetapi kita akan menerangkan kepada mereka mengapa Statut Rom tidak akan memudaratkan sesiapa yang bukan penjenayah,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sama ada Malaysia menjadi negara pihak kepada Statut Rom atau sebaliknya, seluruh dunia akan menentang sesebuah negara jika ia melakukan kesalahan.

Misalnya, katanya, kerajaan Myanmar tidak terkecuali daripada kecaman dan tindakan antarabangsa kerana gagal melaksanakan sebarang usaha membela nasib kumpulan etnik Rohingya, sebaliknya menyokong penghapusan kaum itu.

“Walaupun Myanmar tidak menyertai Statut Rom tetapi komuniti antarabangsa telah mengutuk dan mengambil tindakan terhadap negara itu,” katanya.

Pada 5 April lalu, Dr Mahathir mengumumkan Malaysia menarik diri daripada Statut Rom berikutan kekeliruan yang timbul dari segi politik dalam kalangan masyarakat.

Beliau menegaskan keputusan itu bukan disebabkan perjanjian itu akan memudaratkan negara.